



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

#### **MEDAC SEDIA PERUNTUKAN RM 372.845 JUTA UNTUK PELAN PEMULIHAN USAHAWAN PASCA COVID-19**

**PUTRAJAYA, 2 MEI 2020**– Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) amat prihatin terhadap impak penularan COVID-19 ke atas aktiviti perniagaan yang melibatkan usahawan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Setakat ini, berdasarkan maklumat sedia ada Malaysia mempunyai hampir 907,000 usahawan PKS dan Mikro.

Usahawan PKS dan Mikro perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi senario perniagaan yang berbeza khususnya selepas tamat tempoh PKP. Tidak mudah untuk menganggap bahawa keadaan akan kembali seperti biasa selepas pandemik wabak COVID-19.

Baru-baru ini, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan penambahan peruntukan kepada Kemudahan Bantuan Khas (SRF), daripada RM2 bilion kepada RM5 bilion bagi membantu lebih banyak PKS yang terjejas akibat wabak Covid-19. Sehingga 26 April 2020, sebanyak RM4.5 bilion Dana Pinjaman Mudah PKS telah diluluskan kepada 8,500 PKS dan merupakan peningkatan daripada RM 2.7 bilion untuk 5,000 PKS.

Pada 16 April 2020 MEDAC melalui agensinya TEKUN telah mewujudkan permohonan secara atas talian (online) untuk Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM). Sehingga 30 April 2020, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 17,845 permohonan yang diterima, 5,684 telah diluluskan dengan jumlah RM 47.6 Juta.

Selain itu, MEDAC juga memperkenalkan Pelan Pemulihan Usahawan Pasca COVID-19 yang bertujuan memastikan kelestarian serta pemulihan operasi perniagaan usahawan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Pelan ini akan dilaksanakan dalam dua fasa (Fasa 1: Mei–Dis 2020 Fasa 2: Jan–Mei 2021) dengan melibatkan peruntukan sebanyak **RM 372.845 juta**.

Sebanyak 6 Strategi yang mengandungi 30 inisiatif yang digubal untuk Kumpulan Sasar yang telah dikenalpasti. Berikut adalah senarai strategi tersebut :

**i- Meningkatkan Keyakinan Rakyat**

Kumpulan Sasar : Usahawan dan Rakyat

Program : a) Komunikasi Strategik Pasca COVID-19  
b) Program Nyah COVID-19 (PNC)

**ii- Memperkasakan Keupayaan Dan Kapasiti**

Kumpulan Sasar : Perusahaan Mikro, Koperasi, Startup Graduan dan Belia

Program : a) *Technopreneurship Program For Fresh Graduates*  
b) Program Pemulihan Koperasi Terjejas  
c) *Young Innovative Entrepreneur Challenge (YIEp Challenge)*  
d) *New Gen Startup BootCamp (Online Edition)*  
e) *Bumiputera Enterprise Enhancement Program (BEEP)*  
f) Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE)  
g) *Agri Coaching and Industry Development*  
h) PUSH

### iii- Meningkatkan Akses Dan Bantuan Pembiayaan

Kumpulan Sasar : Perusahaan Mikro, PKS, Sektor Informal dan Koperasi

- Program :
- a) Ar-Rahnu TEKUN
  - b) Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur
  - c) Geran Sepadan/Pembiayaan Kepada Koperasi
  - d) *BIG – Bankable, Investable, Gameplan*
  - e) *Business Accelerator Expansion*
  - f) *SME Investment Partnership (SIP)*
  - g) *Franchise Business Expansion Program*
  - h) *Women Entrepreneurship Financing Program.*

### iv- Meningkatkan Penggunaan Teknologi

Kumpulan Sasar : Perusahaan Mikro, PKS dan Koperasi

- Program :
- a) *Offline to Online (O2O) Program*
  - b) *MEDAC-MDTC 14.0 Accelerator Program*
  - c) *Adoption of Digitalisation Solutions (ADS) Program*
  - d) *Automation in Business Processes and Services Program*

#### v- Membuka Dan Memperluas Pasaran

Kumpulan Sasar : Perusahaan Mikro, PKS, Sektor Informal, Koperasi dan Startup

Program : a) Platform e-Pasaran  
b) *Mapping of Supply Chain*  
c) *Zonepreneur/Compreneur*  
d) Pemasaran Online TEKUN  
e) *SMEs Going Global Program*  
f) Program Galakan Export Bumiputera (GEB)

#### vi- Menyampaikan perkhidmatan berkesan

Kumpulan Sasar : Perusahaan Mikro, PKS, Sektor Informal, Koperasi dan Startup

Program : a) Pemerkasaaan Pusat Sehati Keusahawanan  
b) BIZZvisory (Interactive, Business Consultation, Monitoring & Coaching)

Sebagai inisiatif untuk membantu usahawan pada masa ini, MEDAC menerusi agensi dibawahnya juga sedang dan telah mengambil dan melaksanakan langkah-langkah berikut sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan :

- (i) **Penyediaan Pembiayaan dengan anggaran peruntukan berjumlah RM 786.5 juta** oleh Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional (TEKUN) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada 4,133 penerima manfaat yang terdiri daripada individu, usahawan dan Koperasi;
- (ii) **Penangguhan Bayaran Balik pembiayaan oleh TEKUN** kepada 209,479 usahawan **berjumlah RM 324 juta**;

- (iii) **Penjadualan Semula Pinjaman Pembiayaan Oleh TEKUN** untuk 1,000 orang usahawan mikro dengan kos **berjumlah RM 10 juta**;
- (iv) **Moratorium Oleh Semua Agensi Di Bawah Kementerian** untuk 3,119,570 penerima manfaat dengan kos **berjumlah RM 13.14 bilion**;
- (v) **Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan Tabung Model Pusingan (TMP-JPK) Oleh SKM** kepada 1,000 koperasi **berjumlah RM 99 juta**;
- (vi) **Pembiayaan Menerusi TMP-JPK Sehingga RM50 ribu Tanpa Cagaran** dengan grace period selama 6 bulan dengan peruntukan sebanyak **RM 15 juta**;
- (vii) **Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan Individu Oleh Koperasi Perbankan** untuk sebanyak 1,254,339 koperasi dengan kos **berjumlah RM 5.67 bilion**;
- (viii) **Pinjaman Dana Likuiditi Pusat (CLF)** dengan jumlah minimum permohonan dana **RM 500 ribu** dengan tempoh pinjaman selama 1 tahun bagi Koperasi yang menghadapi masalah kewangan;
- (ix) **Pengurangan Caruman Kumpulan Wang Rizab Statutori Daripada 15% Kepada 8%** daripada untung bersih **berjumlah RM 333 juta**;
- (x) **Penangguhan Pendepositan Ke Akaun Deposit Koperasi (ADK)** kepada semua koperasi **bernilai RM 571 juta**;
- (xi) **Pengecualian/Pengurangan Sewa Bangunan \*Milik Uda\* Dengan Anggaran Kos RM 12.4 Juta** yang akan memberi manfaat kepada 1,828 orang usahawan;

- (xii) **Latihan Keusahawanan/Perniagaan Atas Talian Dengan Anggaran Peruntukan Berjumlah RM0.6 Juta** yang akan memanfaatkan 82,717 orang usahawan;
- (xiii) Memberi **Kelulusan Bersyarat Pendaftaran Sijil Taraf Bumiputera Kepada 705 Kontraktor Bumiputera**;
- (xiv) Pelaksanaan **6 program berimpak tinggi** melibatkan anggaran kos pelaksanaan **berjumlah RM 15,585,000** dan memberi **manfaat kepada 6,000 orang** yang terdiri daripada graduan, bakal usahawan, usahawan, koperasi dan *startups* termasuk masyarakat umum;
- Pusat informasi berpusat usahawan (BLESS)
  - Program latihan dan bimbingan keusahawanan dan perniagaan secara atas talian (MEDAC-Google, INSKEN, IKM & MAGIC)
  - *Technopreneurship for Young Graduates (MEDAC-MTDC)*
  - Gig Ekonomi Membantu Perusahaan Kecil Dan Sederhana (GEMPAKS) (MaGIC & INSKEN)
  - TEKUN mobilepreneuers (TEKUN)
  - Jualan Harga Patut (SKM)
- (xv) **Sumbangan wang zakat berjumlah RM 21,167,621**
- SME Bank : RM 300,000
  - Bank Rakyat : RM 20,867,621

Paling penting Usahawan PKS dan Mikro perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi senario perniagaan yang berbeza khususnya selepas tamat tempoh PKP. Mencari pendekatan dan berubah ke arah pendigitalan perniagaan. Merebut peluang latihan serta tawaran-tawaran yang diumumkan agensi-agensi berkaitan terutama MEDAC. Pada masa yang sama, mencari peluang sumber pendapatan baharu untuk kelangsungan perniagaan.

**DATO SRI DR. HJ. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**2 MEI 2020**